

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI
WAN ISMAIL
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : **20 OKTOBER 2015**

SOALAN : **Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan
Ismail [Permatang Pauh] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan
komitmen Malaysia bagi pembangunan
semula Gaza di dalam Persidangan
Kaherah mengenai Gaza 2014. Nyatakan
jumlah sumbangannya kepada tabung
pembangunan semula Gaza bagi tahun
2014, 2015 dan tahun-tahun seterusnya.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sejak tahun 1978 konsisten dengan dasar luarnya terhadap isu Palestin. Kerajaan sentiasa memberi sokongan padu kepada Palestin dan rakyatnya baik dari segi politik, ekonomi, moral dan termasuklah juga menghulurkan pelbagai jenis bantuan. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia telah mengambil bahagian di Persidangan Kaherah mengenai Gaza pada tahun lepas dan telah memberikan komitmen untuk menghulurkan bantuan secara terus kepada Palestin. Bantuan-bantuan ini adalah berbentuk sumbangan kemanusiaan, latihan pembangunan modal insan serta pembangunan infrastruktur asas dan teknikal.

3. Dalam usaha Kerajaan Malaysia yang mengutamakan kaedah "*bilateral*", dengan izin, dalam membantu meringankan beban rakyat Palestin di Gaza, satu pasukan khas yang dianggotai oleh Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir yang ditauliahkan secara serentak ke Palestin, Tuan Yang Terutama Duta Besar Palestin ke Malaysia dan Yang Berhormat Baling telah mengadakan lawatan ke Gaza, Palestin pada 18 hingga 20 Ogos 2014 bagi menghantar bantuan kemanusiaan yang bernilai USD 3 juta. Lawatan sedemikian walaupun berisiko tinggi, adalah amat penting untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai

jenis bantuan yang sesuai dan boleh dihulurkan kepada rakyat Palestin di Gaza.

4. Kerajaan melalui Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah, Mesir juga membantu untuk menyelaraskan kemasukan Pertubuhan-Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dari Malaysia ke Gaza, Palestin melalui Sempadan Rafah, Mesir bagi membolehkan mereka menyampaikan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin di Gaza.

5. Dari aspek sumbangan kewangan, Kerajaan Malaysia telah memberikan komitmen untuk membuat sumbangan kewangan berjumlah USD100,000 kepada *United Nations Relief and Works Agency* (UNRWA), iaitu sebuah badan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang dipertanggungjawabkan khusus untuk memberi perlindungan kepada pelarian-pelarian Palestin. Bantuan kewangan tersebut akan digunakan oleh UNRWA untuk melaksanakan program bantuan mereka, terutamanya di Gaza.

6. Kerajaan sememangnya mempunyai hubungan yang baik dengan UNRWA dan Malaysia diiktiraf oleh UNRWA sebagai salah sebuah negara penderma. Selain sumbangan tahunan kepada UNRWA berjumlah USD25,000 bagi tahun 2012 hingga 2017, Malaysia juga pernah menghulurkan sumbangan kewangan secara "*one-off*", dengan, izin kepada UNRWA pada tahun sejak 2009 sehingga 2013 adalah berjumlah USD 1.8 juta.

7. Kerajaan juga telah menyalurkan sumbangan kewangan berjumlah USD100,000.00 kepada salah sebuah badan di bawah Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) iaitu *Islamic Solidarity Fund* (ISF) pada tahun

2014, bagi membolehkan organ tersebut melaksanakan bantuan-bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin di Gaza. Bantuan kewangan ini merupakan tambahan kepada sumbangan tahunan Kerajaan Malaysia kepada ISF yang berjumlah USD 63,000.00.

8. Sumber kewangan bagi kedua-dua sumbangan kepada UNRWA dan OIC tersebut telah diperolehi daripada Tabung Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP), iaitu sebuah tabung di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri.

9. Kerajaan Malaysia komited dan akan terus menghulurkan bantuan dan kerjasama dengan rakyat Palestin dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa bagi meringankan kesengsaraan rakyat Palestin dan membangunkan semula Gaza pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.